

# MBM sokong pendedahan NUTP

UM 25 DEC 2007

KUALA LUMPUR 24 Dis. — **Mailis** Belia Malaysia (MBM) menyokong penuh pendedahan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan **Kebangsaan (NUTP)** berhubung dasar yang didakwa sebagai pengasingan pelajar oleh lebih 200 buah sekolah di negara ini.

Presidennya, Saifuddin Abdullah berkata, tindakan Setiausaha Agung NUTP, Datuk N. Siva Subramanian mendedahkan perkara itu harus dipuji kerana ia membantu melicinkan pelaksanaan dasar pendidikan negara bagi mencapai perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia.

"MBM memandang serius isu ini kerana dasar yang diamalkan itu tidak membantu mencapai matlamat dasar pendidikan negara," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Justeru, beliau menggesa semua pihak berhenti dari mengkritik NUTP dengan pelbagai tuduhan berikutan pendedahan tersebut.

NUTP, katanya, adalah sebuah badan bukan kera-

jaan yang bertanggungjawab dan merupakan anggota kepada Jaringan Masyarakat Civil (Jarimas) yang dipengerusikan oleh MBM.

"Hentikan cabar-men-cabar dan marilah selesaikan isu yang kompleks dan rumit ini secara terbuka dengan kerjasama semua secara ikhlas," katanya lagi.

MBM, ujar beliau, turut melahirkan rasa gembira dan terharu dengan reaksi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang tenang dan terbuka berhubung isu pengasingan pelajar mengikut kaum oleh NUTP itu.

Sementara itu, Naib Presiden MBM, Norizan Sharif pula menyeru agar semua pihak berhenti mengeluarkan sebarang kenyataan media berhubung isu berkenaan.

Ini kerana, katanya, ia boleh menimbulkan kekusaran antara kaum dan perasaan curiga-mencurigai antara satu sama lain.

Beliau menyifatkan penghantaran memorandum oleh NUTP berhubung isu

berkenaan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sebagai satu tindakan yang wajar.

Norizan berkata: "Setelah memorandum dihantar, kita harap semua pihak akan berhenti membuat kenyataan kepada media dan ambil sikap tunggu dan lihat."

Isu ini, katanya, tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka melalui media massa kerana rakyat yang tidak begitu memahami pokok pangkalnya mungkin tersalah faham.

"Sebaliknya, kita seharusnya member-i peluang kepada Kementerian Pendidikan untuk menyiasat secara terperinci dan dapat menyelesaikannya dengan penuh hikmah," ujarnya.

Menurutnya, MBM percaya terdapat banyak saluran yang boleh digunakan termasuklah menerusi majlis-majlis perundingan pendidikan dan organisasi-organisasi tertentu.